



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**



**KENYATAAN TAWARAN TENDER
10 MAC 2021**

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bagi menyertai tender berikut:

No. Tender	Tajuk	Kelas Pendaftaran	Harga Dokumen (RM)	Tarikh, Masa & Tempat Taklimat
T/SUKNS/ BIL.3/2021	Merekabentuk, Membuat, Mencetak Dan Membekal Bahan-Bahan Percetakan Kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan Bagi Tempoh Dua (2) Tahun	221601/ 221602/ 221603/ 221604/ 221609/ 221612/ 221614	RM50.00 setiap satu borang	TIDAK WAJIB Syarikat dibenarkan datang untuk melihat contoh sampel bahan percetakan di Unit Pentadbiran Am, Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat SUKNS mulai 10/3/2021 hingga 17/3/2021

Dokumen tender boleh diperolehi pada waktu pejabat mulai **10 Mac 2021 hingga 30 Mac 2021** di Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus dengan menunjukkan **Sijil Asal Pendaftaran Kementerian Kewangan** dalam kod bidang seperti di atas dan **Sijil Taraf Bumiputera** (jika bertaraf Bumiputera) yang dikeluarkan oleh **Kementerian Kewangan Malaysia** dan menyerahkan satu salinan (fotostat) sijil-sijil berkenaan semasa membeli dokumen tender. Dokumen tender boleh dibeli dengan harga **RM50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh sahaja)** senaskah yang tidak akan dikembalikan.

Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Tender dan dimasukkan ke dalam Peti Tender yang ditetapkan di **Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Tingkat 5 Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus** sebelum atau pada pukul **12.00 tengah hari 31 Mac 2021**. Tawaran yang lewat tidak akan dipertimbangkan dan syarikat yang tidak menghadiri taklimat pada tarikh dan masa ditetapkan tidak layak memasuki tawaran tender. Sebarang pertanyaan dan kemusykilan mengenai tender ini, boleh menghubungi di talian berikut **06-765 9308** (Unit Pentadbiran Am) / **06-765 9995** (Unit Kewangan).